



# TNB pilihan pelaburan selamat

<b>Sentiment</b>	Positive	<b>Frequency</b>	Daily
<b>Outlet Country</b>	Malaysia	<b>Outlet Language</b>	Malay
<b>Impressions</b>	304,000	<b>Circulation</b>	152,000
<b>PR Value</b>	91,200	<b>Page</b>	31



# TNB pilihan pelaburan selamat

Berdasarkan daya tahan pendapatan di sebalik ketidaktentuan pasaran

KUALA LUMPUR

**S**orang penganalisis menjangkakan Tenaga Nasional Bhd (TNB) sebagai pilihan pelaburan selamat berdasarkan daya tahan pendapatannya dan penilaian sederhana (*understanding valuation*) di sebalik ketidaktentuan pasaran ketika ini.

Penilaian sederhana bermaksud aset atau syarikat dinilai pada harga yang agak rendah berbanding nilai intrinsiknya bermakna harganya tidak tinggi dan berpotensi menawarkan nilai ter-

baik untuk pelabur. Maybank Investment Bank Bhd dalam nota penyelidikan pada Isnin berkata, pendapatan jangka sederhana TNB disandarkan oleh pulangan tetapi ke atas asas aset terkawal bertumpu domestik yang semakin meningkat dengan potensi risiko meningkat daripada penggunaan perbelanjaan modal (*capex*) luar jangka dan sumbangan daripada segmen penjanaannya.

Pendapatan TNB disokong atas pendapatan terkawal yang cukup besar (lebih daripada 70 peratus) dan berdaya tahan, manakala tarif asas Tempoh Kawal Selia 4 (RP4) telah mencerminkan perbelanjaan modal asas tiga tahun sebanyak RM26.6 bilion (naik 29 peratus daripada RP3) pada pulangan terkawal 7.3 peratus. "Sementara itu, *capex* luar jangka berjumlah RM16.3 bilion (juga pada pulangan 7.3 peratus dan berkemungkinan akan ber-



Pendapatan TNB disokong oleh asas pendapatan terkawal yang cukup besar dan berdaya tahan.

ubah pada masa depan) tidak termasuk dalam tarif asas dan bukan dalam unjuran kami dengan mekanisme untuk melakukan pemuliharaan masih belum diumtakamadkan.

"Mengikut jangkaan kami, menggunakan sepenuhnya *capex*

luar jangka boleh meningkatkan anggaran tahun kewangan 2027 keuntungan bersih adalah kiranya lapan peratus," katanya.

Maybank Investment berkata, sumbangan penjanaan kepada pendapatan disatukan TNB tidak akan dilihat serta-merta kerana

pendapatan GenCo (syarikat penjanaan) dilaporkan terjejas oleh margin bahan api.

"Kami menjangkakan sumbangan daripada penjanaan akan pulih beberapa tahun akan datang dengan Manjung 4 kini beroperasi selepas dihentikan sementara pada 2024."

"Harga arang batu menurun ketika ini, bersama-sama pengasasan semula harga arang batu rujukan dalam RP4, suraj Pelepasan Kos Tidak Berimbang (ICPT) tidak seimbang dijangka lebih rendah. Ini akan membantu mengurangkan tekanan orang ramai terhadap perubahan bilangan apabila jadual tarif yang disemak semula berkuat kuasa separuh kedua 2025," katanya.

Oleh itu, bank pelaburan itu mengekalkan saranan 'kekal' (*hold*) terhadap TNB dengan harga sasaran berdasarkan aliran tunai diskau yang tidak berubah pada RM14.50. - Bernama